



Kes COVID-19 meningkat, kembali lepsi 3,000

Oleh [Noor Atiqah Sulaiman](#) - Ogos 26, 2022 @ 9:19am
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Jangkitan COVID-19 di negara ini kembali melepasi 3,000 iaitu sebanyak 3,206 kes dilaporkan setakat tengah malam tadi.

Data dalam laman sesawang COVIDNOW menyatakan, kes baharu itu membabitkan 3,202 kes penularan tempatan dengan empat kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Pertambahan itu menjadikan sehingga kini jumlah jangkitan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 4,768,394.

Sehingga kini, Malaysia masih mencatatkan sebanyak 35,988 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 dan daripada jumlah itu 34,626 kes atau 96.2 peratus sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, terdapat 1,271 kes bersamaan 3.5 peratus mendapatkan rawatan lanjut di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (22), unit rawatan rapi (69) dengan 42 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Secara keseluruhannya, penggunaan ICU di negara ini sudah mencapai paras 63.4 peratus, bagaimanapun untuk kegunaan pesakit COVID-19 sahaja adalah 18.5 peratus.

Dalam pada itu, mengenai kes kematian akibat jangkitan berkenaan, semalam terdapat lapan kematian dilaporkan dengan satu kes adalah kematian diluar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan jumlah angka korban di negara ini meningkat kepada 36,185 kes dan daripada jumlah itu 7,690 kes adalah kes meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Sementara itu, bagi kes pulih di negara ini sebanyak 2,180 kes dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada virus berkenaan adalah 4,696,221 kes.